

B. Pilih jawaban yang paling sesuai.

Pulau Langkawi yang terletak ____ (1) ____ Kedah memang terkenal ____ (2) ____ legendanya yang tersendiri. Boleh dikatakan ____ (3) ____ setiap cuti persekolahan, banyak orang akan berkunjung ke sana. Kebanyakan ____ (4) ____ mereka akan berasa terpegun ____ (5) ____ keindahan pantainya dan terpicat ____ (6) ____ penduduknya yang ramah. Peluang mengunjungi pulau ini akan dirakamkan ____ (7) ____ gambar-gambar kenangan untuk tatapan ____ (8) ____ masa hadapan sebagai kenangan ____ (9) ____ kehidupan masing-masing. Dari sini akan lahir rasa sayang ____ (10) ____ negara tercinta ini.

- | | | | |
|--------------|------------|---------------|----------|
| 1. A di | B ke | 6. A dengan | B oleh |
| 2. A tentang | B dengan | 7. A akan | B dengan |
| 3. A pada | B sejak | 8. A di | B pada |
| 4. A dari | B daripada | 9. A di dalam | B dalam |
| 5. A oleh | B dengan | 10. A dengan | B akan |

C. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Buku latihan kamu itu masih ada _____ guru kelas kita dan belum disemak.
A pada B dengan
2. Kami amat terpesona _____ kemerduan suara penyanyi itu kerana sangat merdu sekali.
A oleh B dengan
3. Mereka tinggal di perkampungan ini _____ sepuluh tahun yang lalu.
A dari B sejak
4. Kami amat curiga _____ kejujuran pemuda itu membantu kami tanpa sebarang balasan.
A terhadap B atas
5. Hadiah istimewa itu dibeli ayah khas _____ ibu sempena hari lahirnya esok.
A pada B untuk
6. Dia tidak hadir ke sekolah _____ dirinya tidak begitu sihat akibat kehujanan.
A oleh sebab B oleh kerana
7. Perbuatan terkutuk itu dipandang jijik _____ segi agama dan moral masyarakat kita.
A dari B daripada
8. Semua gambar itu akan kami gantung _____ dinding bilik darjah kami.
A di B pada
9. _____ kecil lagi dia dipelihara oleh neneknya kerana ibu bapanya mati kemalangan.
A Sejak dari B Sejak

10. Tiada apa-apa hubungan antara saya _____ budak baharu di kelas ini.

A dan

B dengan

D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Sani benar-benar tidak faham _____ pengajaran yang disampaikan oleh gurunya.

A terhadap

B akan

C tentang

D oleh

2. Para pelajar seharusnya mengambil berat mengenai peringatan yang disampaikan _____ keselamatan diri yang dicadangkan.

A oleh

B terhadap

C akan

D tentang

3. Tuan pengetua amat tertarik _____ kepintaran para pelajar beliau menjawab soalan kuiz itu.

A dengan

B pada

C tentang

D oleh

4. Emak menempah kek hari lahir itu khusus _____ kakak sulung kami.

A bagi

B untuk

C kepada

D terhadap

5. Unsur-unsur ganas yang ditayangkan di media elektronik mempunyai pengaruh yang mendalam _____ kanak-kanak.

A terhadap

B pada

C untuk

D akan

6. _____ kerjasama penduduk kampung, akhirnya jambatan itu siap dibina dan kini sudah dapat digunakan dengan selesa.

A Oleh

B Atas

C Antara

D Dalam

7. Kebanyakan penduduk di bandar akan pulang ke kampung _____ hari minggu.

A untuk

B di

C pada

D dengan

8. Rakyat diseru agar bekerja _____ tekunnya agar ekonomi negara akan berkembang.

A dengan

B akan

C untuk

D terhadap

9. Surat itu hendaklah diserahkan _____ sekolah tersebut untuk tindakan selanjutnya oleh pihak yang berkenaan.

A untuk

B kepada

C pada

D dengan

10. Kejayaan seseorang itu bergantung _____ usaha yang dilakukan olehnya.

A dengan

B kepada

C akan

D pada